

Had harga rumah pembeli asing boleh ditetapkan negeri

BH ONLINE | Isnin, 14 Oktober 2019 | 4:14pm



ZURaida Kamaruddin menghadiri Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2019 sempena Persidangan Asia Pasifik Urban Ke-7 (APUF-7) di Pusat Konvensyen SPICE, Bayan Lepas, Penang. - Foto NSTP/Mikail Ong

GEORGETOWN: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk menentukan had harga rumah kepada pembeli asing, mengikut keperluan dan kesesuaian masing-masing.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata nilai hartanah yang berbeza di setiap negeri menyebabkan had harga rumah kepada pembeli asing itu boleh diselaraskan mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

"Ia berdasarkan keadaan negeri masing-masing. (Cadangan penurunan had harga rumah untuk pembeli asing kepada RM600,000) itu adalah garis panduan peringkat nasional.

"Mereka boleh mengkaji, apakah ratio yang terbaik di negeri-negeri mereka. Contohnya hartanah di Perlis dan Pulau Pinang, kedua-duanya macam langit dan bumi. Itu perkara yang perlu diperhalusi dan diteliti oleh setiap negeri," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, Zuraida menghadiri Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2019 sempena Persidangan Asia Pasifik Urban Ke-7 (APUF-7) di Pusat Konvensyen SPICE, di sini.

Hadir sama, EXCO Perumahan, Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo dan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Datuk Noor-Ihsan Che Mat.